

1,715 pelajar daftar di KUTKM

Archival News | Utusan Malaysia | 04/07/2005

MELAKA 3 Julai - Seramai 1,715 pelajar baru Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) bagi sesi pengajian 2005/2006 mendaftar di kampus tetap universiti itu di Durian Tunggal, di sini, hari ini.

Pada masa ini kolej itu mempunyai hampir 4,100 pelajar.

KUTKM dalam kenyataannya berkata, pelajar baru itu akan mengikuti program diploma dan ijazah sarjana muda bagi beberapa bidang pengajian yang ditawarkan di beberapa fakulti termasuk Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Turut ditawarkan kursus-kursus di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

"Terdapat satu kursus baru yang ditawarkan pada sesi kali ini iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik di Fakulti Kejuruteraan Elektrik di mana seramai 60 pelajar diambil bagi program selama empat tahun itu," katanya di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu lagi, program Minggu Haluan Siswa (MHS) bagi pelajar baru dijadual bermula esok hingga 8 Julai ini dengan bertemakan 'Mahasiswa Unggul Negara Terbilang'.

Majlis perasmianya dijadual disempurnakan oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Shafie Mohd. Salleh pada 7 Julai ini di Dewan Seri Negeri.

Sempena program MHS, pelbagai sesi taklimat dan ceramah akan disampaikan kepada pelajar baru oleh dekan, pegawai kanan Universiti, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta serta Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Antara program menarik slot 'bicara tokoh' pada 7 Julai ini di mana mana Penasihat Sains kepada Perdana Menteri, Tan Sri Ahmad Zaharudin Idrus akan berkongsi pengalaman dengan para pelajar mengenai pengalaman dan kejayaan yang telah dicapai dalam kerjaya beliau.

Majlis penutup program MHS dijadual disempurnakan oleh Rektor KUTKM, Profesor Datuk Ismail Hassan pada 8 Julai ini di Dewan Seri Negeri.

(Source : Utusan Malaysia)